

Di mana 'taring' DPMM?

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI
(WARTAWAN UTUSAN)

SEJARAH Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bermula pada tahun 1974 dan dikenali sebagai Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM), setelah Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Melayu Semalaya (GDPMM), yang ditubuhkan pada 1956 digubal semula.

Tengku Razaleigh Hamzah, selaku Yang Dipertua GDPMM pada waktu itu, mahu supaya peranan badan itu diperkasakan, daripada sebuah gabungan kepada sebuah dewan pusat, selain menambah matlamat perjuangan dewan itu dengan turut melibatkan bidang perusahaan.

Ia juga bagi menyelaraskan perjuangan dewan dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk meningkatkan penyertaan bumiputera, bukan sahaja dalam bidang perniagaan tetapi juga perusahaan.


DPPMM sekali lagi melalui perubahan pada tahun 1994, di bawah kepimpinan tokoh korporat Tan Sri Azmi Wan Hamzah, apabila perkataan 'perusahaan' digugurkan daripada nama dewan pusat itu, kerana perkataan 'perniagaan' itu sendiri sudah meliputi perniagaan, perdagangan dan perindustrian.

Sumbangan GDPMM yang paling bermakna ialah apabila ia berjaya menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera pertama pada tahun 1965 sehingga membawa kepada penubuhan Majlis Amanah Rakyat (Mara) setahun selepas itu.

Sejak itu, DPMM yang menjadi payung bagi usahawan-usahawan bumiputera terus diberi kepercayaan menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera seterusnya, satu demi satu, sampai ke hari ini.

Malahan DEB, yang dilaksanakan pada 1971 rentetan daripada agedi 13 Mei 1969 sedikit sebanyak turut menggarap idea-idea baru yang dihasilkan daripada Kongres Ekonomi Bumiputera pertama (1965) dan kedua (1968).

Sejak penubuhannya pada tahun 1974 atas restu dan sokongan kerajaan, DPMM telah berjaya



ABDUL RAHMAN MAIDIN

membina imej dan kedudukannya sebagai badan tonggak memperjuangkan agenda membangunkan usahawan bumiputera.

Selain itu, DPMM turut diberi kepercayaan menerajui Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia.

Pada peringkat awal penubuhannya, DPMM begitu berpengaruh sehingga suaranya bukan sahaja didengar, tetapi diterima oleh kerajaan dalam menggubal sebarang dasar dan program yang melibatkan pembangunan usahawan bumiputera.


Di peringkat awal penubuhannya sehingga akhir dekad 1990an pengaruh DPMM amat terasa bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, selepas era akhir 1990an, DPMM dilihat begitu lesu dan tidak agresif lagi serta tidak begitu menonjol seperti semasa awal penubuhannya.

Jika dilihat kepada perjuangan DPMM secara total, selain kejayaan menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera, tidak banyak kejayaan DPMM yang dapat dibanggakan.

DPMM masih lagi gagal membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh usahawan Melayu, termasuk kesukaran mendapat pinjaman dengan bank serta mendapat tempat strategik untuk berniaga, terutama di bandar.

Ini termasuk kegagalan DPMM menjayakan misi bagi



SYED ALI MOHAMED ALATTAS

melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), walaupun misi itu sudah lama dilancarkan.

Walaupun DPMM pernah diterajui oleh nama-nama besar dan tokoh korporat Melayu seperti Tan Sri Kamarul Ariffin, Tan Sri Nawawi Mat Awin, Tan Sri Tajudin Ramli, Tan Sri Yahaya Ahmad, Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah dan kini oleh Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, namun banyak pihak mempersoalkan keupayaan DPMM dalam menjayakan misi tersebut.

Melahirkan

Usaha DPMM melahirkan jutawan dan tokoh korporat Melayu terutama di kalangan usahawan muda Melayu juga tidak menampakkan sebarang hasil.

Kematian tokoh korporat Melayu seperti Tan Sri Yahaya, persaraan Tan Sri Abdul Rashid Hussain (daripada Rashid Hussain Bhd. (RHB)) dan pengunduran beberapa tokoh korporat Melayu seperti Tan Sri Tajudin, menyebabkan wujud *vacuum* jawatan jutawan dan tokoh korporat Melayu, yang perlu diisi segera bagi memastikan kesinambungan yang kukuh.

Dalam konteks ini, sasaran Dewan DPMM mahu melahirkan tiga jutawan wanita Melayu dan bumiputera setahun dilihat lebih realistik.

UM- 15/6/2007

Pada peringkat awal penubuhannya, DPMM begitu berpengaruh sehingga suaranya bukan sahaja didengar, tetapi diterima oleh kerajaan dalam menggubal sebarang dasar dan program yang melibatkan pembangunan usahawan bumiputera

Program percubaan DPMM pada 2003, bagi melahirkan 500 usahawan Melayu yang akan merintis jalan kepada kewujudan MPPB, turut tidak menampakkan hasil yang berkesan.

Malahan cadangan DPMM supaya kerajaan menubuhkan sebuah institusi kewangan atau bank khusus bagi memberi pinjaman kecil kepada peniaga-peniaga kecil dalam mengatasi masalah ceti haram dan 'Ah Long' juga masih lagi belum menjadi kenyataan.

Apa yang lebih malang ialah tidak adanya kerjasama rapat antara DPMM dengan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) yang diasaskan oleh UMNO, yang dilihat turut mencatitkan perjuangan DPMM.

Sepatutnya kedua-dua badan itu bekerjasama rapat, kerana mereka memperjuangkan matlamat yang sama untuk membantu usahawan Melayu.

Kerana senario itu, timbul cakap-cakap yang kurang enak dan sinis di kalangan usahawan Melayu: "Kalau macam ini gayanya, tak ada (DPMM) lagi bagus. Ada pun, macam tak ada."

Mereka juga kecewa kerana DPMM gagal merebut peluang daripada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan serta pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

"Dewan Perniagaan dan Industri Cina telah pun memulakan langkah merebut peluang dalam pembangunan WPI, sedangkan DPMM masih dibuai mimpi.

"DPMM tidak boleh hanya melihat dan mengharap syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) merebut peluang kekayaan di WPI bagi pihak bumiputera," kata mereka.

Dengan ekonomi dunia semakin canggih dan persaingan semakin sengit, DPMM kini berdepan dengan cabaran yang hebat bagi meneruskan agendanya.

Dalam konteks ini, DPMM bukan sahaja perlu kembali kepada landasan asal perjuangannya tetapi juga membuat perubahan dan pembaharuan bagi terus kekal relevan serta mampu menghadapi semua cabaran tersebut.

Pemimpin-pemimpin DPMM perlu ikhlas untuk membantu usahawan bumiputera. Mereka harus menjunjung perjuangan dan mandat yang diberikan oleh ahli dan bukan menjadikan dewan itu sebagai gelanggang politik untuk kepentingan sendiri.

Selain itu, kemelut dalaman DPMM yang melibatkan Dewan Perniagaan Melayu Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) (DPMWP) sehingga membawa kepada pembubarannya adalah sesuatu yang cukup malang.

Pada 30 Jun ini, DPMM akan mengadakan pemilihannya. Timbalan Presiden DPMM, Syed Ali Mohamed Alattas, dijangka mencabar Abdul Rahman bagi jawatan Presiden, manakala Naib Presiden, Datuk Muhammad Muhyiddin Abdullah yang berganding dengan Syed Ali dijangka bertanding jawatan Timbalan Presiden.

Syed Ali yang juga Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Johor, manakala Muhammad Muhyiddin - Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Perak bercadang membawa perubahan dan pembaharuan, selain ingin melihat DPMM kembali berada di landasan asal perjuangannya jika mereka menang.

Apakah semua senario ini akan berubah apabila kepimpinan DPMM mendapat mandat baru, tidak kira sama ada Abdul Rahman mengekalkan jawatannya atau sebaliknya.

Apa yang penting ialah semua kepimpinan baru DPMM nanti harus meneruskan agenda DPMM bagi mengangkat martabat usahawan Melayu.